



27 Oktober 2020
27 October 2020
P.U. (B) 559

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS MENGENAI SIAPNYA PENYEMAKAN DAN PEMERIKSAAN DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN

NOTICE OF COMPLETION OF REVISION AND INSPECTION OF SUPPLEMENTARY ELECTORAL ROLLS

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PILIHAN RAYA 1958

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002

NOTIS MENGENAI SIAPNYA PENYEMAKAN DAN PEMERIKSAAN
DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN

MENURUT subperaturan 13(5) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 [*P.U. (A) 293/2002*], notis diberikan bahawa penyemakan daftar pemilih tambahan bagi kawasan pendaftaran dalam Bahagian Pilihan Raya Parlimen yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual, Bahagian Pilihan Raya Negeri yang dinyatakan dalam ruang (2) dan bagi unit pendaftaran yang dinyatakan dalam ruang (3) hingga dan termasuk 30 September 2020 telah siap dan bahawa salinan daftar pemilih tambahan itu dibuka untuk pemeriksaan di pejabat Pendaftaran dan di tempat yang dinyatakan dalam ruang (4) dan boleh diperiksa pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja mulai 28 Oktober 2020 hingga dan termasuk 10 November 2020.

Salinan daftar pemilih tambahan juga boleh dicapai dari portal rasmi Pejabat Pendaftaran bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di <http://ppn.spr.gov.my/kualalumpur>.

ELECTIONS ACT 1958

ELECTIONS (REGISTRATION OF ELECTORS) REGULATIONS 2002

NOTICE OF COMPLETION OF REVISION AND INSPECTION OF
SUPPLEMENTARY ELECTORAL ROLLS

PURSUANT to subregulation 13(5) of the Elections (Registration of Electors) Regulations 2002 [*P.U. (A) 293/2002*], notice is given that the revision of the supplementary electoral rolls for the registration areas of the Parliamentary Constituencies specified in column (1) of the Schedule, State Constituencies specified in column (2) and for the registration units specified in column (3) up to and including 30 September 2020 has been completed and that copies of the supplementary electoral rolls are open for inspection at the office of the Registrar

and at the places specified in column (4) and may be inspected during office hours on any working day from 28 October 2020 up to and including 10 November 2020.

Copies of the supplementary electoral rolls may be accessed on the official portal of the Office of the Registrar for the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya at <http://ppn.spr.gov.my/kualalumpur>.

JADUAL/SCHEDULE

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA/FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA

(1)	(2)	(3)	(4)
Bahagian Pilihan Raya Parlimen/ <i>Parliamentary Constituency</i>	Bahagian Pilihan Raya Negeri/ <i>State Constituency</i>	Unit Pendaftaran/ <i>Registration Unit</i>	Tempat/ <i>Place</i>
P. 125 Putrajaya		Taman Saujana Hijau (125/00/01)	Ibu Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Menara SPR, No. 2 Jalan P2T Presint 2 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya
		Taman Rimba Desa Utara (125/00/02)	Pejabat Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Putra Harmoni Presint 9, Putrajaya
		Taman Rimba Desa Timur (125/00/03)	Pasar P8 Jalan P8D Presint 8, Putrajaya
		Taman Rimba Desa Barat (125/00/04)	Pejabat Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Putra Harmoni Presint 9, Putrajaya
		Taman Wawasan Utara (125/00/05)	Ibu Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Menara SPR, No. 2 Jalan P2T Presint 2 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya
		Taman Wawasan Selatan (125/00/06)	Pasar P8 Jalan P8D Presint 8, Putrajaya
		Taman Warisan (125/00/07)	Taman Warisan Pertanian Presint 16, Putrajaya

Bertarikh 26 Oktober 2020

Dated 26 October 2020

[S.P.R.600-3/1/12; PN(PU2)178D/XCIV]

MD FUAD BIN MOHD SHERIF

*Pendaftar bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya/
Registrar for the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya*

CATATAN

Mana-mana orang yang telah memohon supaya didaftarkan dalam daftar pemilih tambahan dalam tempoh 1 Julai 2020 hingga 30 September 2020 bagi mana-mana kawasan pendaftaran yang baginya dia berkecenderungan didaftarkan sedemikian boleh, jika namanya telah tertinggal daripada daftar pemilih tambahan itu, mengemukakan suatu tuntutan melalui Borang B kepada Pendaftar yang kepadanya dia telah membuat permohonan supaya dimasukkan namanya ke dalam daftar pemilih tambahan itu.

2. Mana-mana orang yang namanya ternyata dalam daftar pemilih tambahan yang telah disemak bagi mana-mana bahagian pilihan raya boleh membantah terhadap kemasukan dalam daftar pemilih tambahan itu namanya sendiri atau nama mana-mana orang yang ternyata dalam daftar pemilih yang telah disemak itu. Bantahan itu hendaklah dibuat dalam Borang C.

3. Borang B dan C boleh didapati di pejabat tiap-tiap Pendaftar dan di portal rasminya. Borang-borang yang telah lengkap hendaklah sampai kepada Pendaftar yang berkenaan tidak lewat daripada 10 November 2020.

NOTE

Any person who has applied to be registered in the supplementary electoral roll during the period of 1 July 2020 to 30 September 2020 for any registration area for which he is qualified to be so registered may, if his name has been omitted from the supplementary electoral roll, submit a claim in Form B to the Registrar to whom he has made the application to have his name entered in the supplementary electoral roll.

2. Any person whose name appears in the revised supplementary electoral roll for any constituency may object to the inclusion in such supplementary electoral roll of his own name or the name of any person appearing in such revised electoral roll. Such objection shall be in Form C.

3. Forms B and C are available at the office of every Registrar and on its official portal. Completed forms must reach the Registrar concerned not later than 10 November 2020.